

Oleh Noor Azam Abd Aziz  
azam@hmetro.com.my

**S**ERAMAI 783 graduan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) diraikan dalam Majlis Sumbangan, Pengorbanan dan Simpati ke-10, baru-baru ini.

Program anjuran Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal) itu adalah bagi menghargai semangat serta kegigihan siswa berkenaan yang menamatkan pengajian mereka.

Graduan berkenaan daripada program sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, Sains Komunikasi Korporat, Sastera dan Sains (PBMP).

Pengajian sarjana muda pula meliputi program Sains Komputer, Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu, Sastera Bahasa Inggeris, Komunikasi, Sains Kepujian dengan Pendidikan (Matematik) serta Pendidikan.

Kejayaan graduan PJJ memiliki ijazah dan sarjana itu membuktikan Ideal UPM berjaya menjalankan tanggungjawab memberi pendidikan serta peluang kepada siswa yang bekerja melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Majlis berkenaan dirasmikan Dr Muhd Nur Ahmad yang mewakili Pengerusi Mara, Datuk Wira Abu Seman Yusof.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Akademik, Prof Muhamad Awang dan Pengarah Ideal, Prof Madya Dr Salihah Siais.

Pada majlis penyampaian hadiah, juruterbang Penerbangan Malaysia (MAS), Mohamed Azharuddin Osman diumum Graduan Terbaik PJJ UPM.

Beliau yang mengikuti pengajian Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) mengumpul Nilai Pu-

# IDEAL RAI 783 GRADUAN

Hargai  
semangat gigih  
siswa tamatkan  
pengajian

rata Timbunan Gred berjumlah 4.0.

Pencapaian cemerlang itu melayakkan dirinya dipilih sebagai Graduan Terbaik PJJ UPM pada konvo kesyen kali ini.

Mohamed Azharuddin berkata, walaupun sibuk dengan tugas ke luar negara, kesempatan waktu terluang digunakan sepenuhnya menyiapkan tugas diberikan pesyarah.

"Saya sendiri meluangkan masa rehat sewaktu bertugas di luar negara untuk mentelaah pelajaran dan banyak menggunakan kemahiran dan pengalaman sewaktu bekerja dalam pengajian saya.

"Walaupun saya sibuk dengan urusan kerja, termasuk komitmen terhadap keluarga, saya tetap berminat memajukan diri untuk masa depan lebih cerah," katanya.

Mohamed mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah, kaitangan Ideal UPM dan semua ter-



**CEMERLANG...** Mohamed Azharuddin (kanan), menerima sijil penghargaan daripada Muhamad sambil diperhatikan Salihah.

babit kerana membantu memberi tunjuk ajar dalam pengajian.

Kejayaan beliau membuktikan siswa lelaki mampu cemerlang walaupun selama ini mereka sering dilabelkan kurang menyerlah.

Siswa lain yang mencapai kepuatan cemerlang adalah Jeffrey Vincent Ng Hoong Hong (Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia), Chan Lee Hua (Bachelor Sastera Bahasa Melayu) dan Ramuni Inchan (Bachelor Sastera Bahasa Inggeris).

Hiong (Sarjana Muda Sains Kepujian dengan Pendidikan Matematik), Chan Lee Hua (Bachelor Sastera Bahasa Melayu) dan Ramuni Inchan (Bachelor Sastera Bahasa Inggeris).